

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA TIAP2 BULAN

TAHUN 10 BILANGAN 12 RABU 16 JUN, 1965 1385 رابو 16 صفر PERCHUMA

D.Y.M.M. MELANTEK 4 ORANG AHLI2 M.M.N. + MENJADI MENTERI2 MUDA

BANDAR BRUNEI.—Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah melantek empat orang Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei menjadi Menteri2 Muda dibawah Sistem Kementerian Kerajaan untuk Brunei.

Menteri2 Muda tersebut ia-lah Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh; Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang; Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking dan Yang Berhormat Pehin Bendahari China Hong Kok Tin.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berkenan membahagikan jawatan2 kepada Menteri2 Muda tersebut, ia-itu seperti berikut:

Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh bertanggung jawab ka-atas Jabatan Pertanian.

Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang bertanggung jawab ka-atas Jabatan Pos dan Kebajikan Masyarakat.

Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking bertanggung jawab ka-atas Jabatan Pelajaran.

Yang Berhormat Pehin Bendahari China Awang Hong Kok Tin bertanggung jawab ka-atas Jabatan Perubatan dan Kesihatan.

Menteri2 Muda tersebut mulai

menjalankan tanggung jawab masing2 pada hari Isnin 14 Jun, 1965.



Empat orang Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei dalam gambar ini telah di-lantek oleh D.Y.M.M. menjadi Menteri2 Muda. Dari kiri: Y.B. Pengiran Damit; Y.B. Orang Kaya P. Dewa Awang Lukan; Y.B. Pengiran Haji Yusof dan Y.B. Pehin Bendahari China Hong Kok Tin.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar ini semasa Baginda berchemar duli ka-Istiadat Perbarisan Hari Jadi Baginda Queen di-Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 12 Jun, 1965.

Menghadhiri Kursus Chawangan Khas Di-London

BERAKAS.—A.S.P. Awangku Omar bin Pengiran Haji Apong dari Chawangan Khas Pulis Brunei telah berlepas ka-Singapura dalam perjalanan ka-London pada petang hari Rabu 9 Jun, 1965 untuk menghadhiri Kursus Chawangan Khas di-London selama dua bulan.

Di-antara ramai orang2 yang telah mengucapkan Selamat Berangkat ka-London kepada beliau di-Lapangan Terbang Brunei ia-lah Timbalan Pesuruh Jaya Pulis Brunei, Pengiran Dato Pahlawan Jaya bin Pengiran Haji Rajid dan Pegawai2 Pulis serta anggota2 Pulis Brunei.

SAMBUTAN2 HARIJADI BAGINDA QUEEN DI-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI.— Satu Istiadat Perbarisan Sambutan Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II telah di-adakan di-Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 12 Jun, 1965.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berchemar duli ka-majlis itu.

Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber telah memereksa perbarisan tersebut.

Perbarisan itu ada-lah mengan-dongi Pasokan2 Gurkha, Askar Melayu Di-Raja Brunei, Pulis Brunei dan Pancharagam Pulis Brunei.

Turut mengambil bahagian di-istiadat tersebut ia-lah Pasokan2 Jabatan Laut Brunei, Kastam Di-Raja Brunei, Perkhidmatan Bomba Brunei, Palang Merah, Pengakap2, Pandu Puteri dan Boys Brigade.

Pada pukul 11 pagi hari tersebut satu majlis jamuan untuk minum bagi Memberikan Selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah di-adakan di-pekarangan rumah Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berchemar duli ka-majlis tersebut.

Istiadat Minum untuk Memberikan Selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah di-dahului oleh Yang Terutama Awang F. D. Webber.

Kemudian beliau telah meminta para hadirin di-majlis tersebut minum untuk Memberikan Selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Sementara itu pada sa-belah malam pula satu temasha "Malam Komon-wealth" telah di-adakan di-Panaga Klab, Seria.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah juga berchemar duli ka-majlis tersebut.

86 BUAH SEKOLAH² MELAYU DI-SELUROH NEGARA MENYAMBUT "MINGGU PELAJARAN"

SA-BANYAK 86 buah Sekolah Melayu di-seluruh Negeri Brunei telah mengadakan sambutan "Minggu Pelajaran" bagi tahun 1965 yang di-langsungkan sa-mentak pada 13 Jun dan akan berakhir pada 17 Jun (esok).

Pembukaan rasmi sambutan itu di-sekolah² tersebut telah di-lakukan oleh Pegawai² Daerah, Ahli² Majlis² Mashuarat Negeri dan daerah, penghulu² dan ketua² kampung serta orang² kenamaan di-tempat masing².

Tujuan utama Jabatan Pelajaran Negara mengadakan sambutan itu ia-lah kerana memberi peluang kepada ibu bapa dan

penjaga² murid untuk menyaksikan hasil² kerja anak² mereka di-sepanjang hari persekolahan.

Antara sekolah² yang mendapat sambutan yang mengagumkan dari ibu bapa, penjaga² murid dan orang ramai ialah Sekolah² MELAYU SMJA, RIF, Laila Menchanai, Sungai Kebun dan Pintu Malim, kesemua-nya di-Bandar Brunei.

Kelas Dewasa Membenters Buta Huruf

BANDAR BRUNEI. — Untuk perhatian semua guru² yang mengajar di-kelas² Dewasa Membenters Buta Huruf, mulai dari 2 Jun, 1965, kelas tersebut hendak-lah di-namakan KELAS DEWASA PELAJARAN RENDAH yang pada dasar-nya membenters buta huruf, di-samping memberikan pelajaran² yang bersesuaian.

Segala peratoran² yang di-jalankan pada masa ini yang mengenai dengan kelas ini hendak-lah di-teruskan dengan mengubah atau menambah perkara² berikut:

- I. Perkataan Tingkatan I dan II akan menjadi Peringkat² Permulaan, Menengah dan Tertinggi, yang bererti pelajar² kelas ini akan belajar selama tiga tahun (Tiap² satu peringkat akan belajar selama sa-tahun).
- II. Tulisan Rumi akan di-ajarkan dari Peringkat Permulaan hingga sa-terus-nya. Dalam Peringkat Menengah akan di-mulakan mengajar Tulisan Jawi — Pelajaran² yang di-ajarkan dalam semua peringkat ia-lah Bahasa Melayu dan Kira² (Lihat Sukatan Pelajaran yang baharu — Kelas Dewasa Pelajaran Rendah).

III. Sukatan Pelajaran sa-belum ini (Sukatan Pelajaran Kelas Dewasa Membenters Buta Huruf) ada-lah di-batalkan.

IV. Tiap² akhir tahun akan di-adakan pepereksaan bagi semua peringkat. Pelajar² yang lulus dalam peringkat² Permulaan dan Tertinggi akan di-beri Sijil, ia-itu Sijil Peringkat Permulaan ia-lah pengakuan kebolehan membaca dan menulis dan Sijil Peringkat Tertinggi, pengakuan pelajaran yang di-pelajari-nya sa-tarap dengan Darjah VI (Primary VI).

V. Tiap² Kelas akan di-tetapkan bilangan-nya — Bilangan ini hendak-lah di-tulis di-Kulit Buku Rengkesan Mengajar, Jadual Kedatangan dan sabelah atas borang tuntutan elaun mengajar yang di-buat pada tiap² awal bulan Masehi.

Di-Daerah Belait ia-lah Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin dan Mohammad Alam, sementara di-Tutong dan Temburong ia-lah Sekolah² Melayu Muda Hashim dan Sultan Hassan, Bangar.

Berbagai² peraduan dan pelajaran yang di-ajarkan di-sekolah² tersebut telah di-adakan, termasuk pertukangan tangan dan sulam menyulam.

Di-Sekolah² Melayu S.M.J.A. dan R.I.F. ibu bapa dan penjaga² murid telah di-beri peluang yang ke-emasan untuk mengemukakan kemuskilan mereka mengenai mas'alah persekolahan anak² mereka di-sepanjang hari persekolahan.

Guru² yang bertugas telah memberi penerangan² yang berguna untuk mengatasi kemuskilan² itu dan ibu bapa itu telah di-nasihatkan supaya bekerja sama dengan guru², kerana masa anak² mereka lebeb banyak di-rumah dari di-sekolah.

Sa-tengah penjaga dan ibu bapa murid² telah mengemukakan pertanyaan yang meminta jalan kepada guru² itu untuk melaksanakan tugas penjaga² dan ibu bapa dalam memberi perangsang kepada anak² mereka sa-waktu berada di-rumah supaya lebeb menchantai pelajaran dari hiburan.

Banyak jalan² yang berfaedah telah di-berikan oleh guru² yang bertugas dalam sambutan Minggu Pelajaran itu dan antara jalan² yang di-tunjukkan itu ia-lah ibu bapa atau penjaga² murid sa-mesti-nya-lah melateh anak² mereka supaya rajin membaca atau mentela'ah pelajaran mereka sa-waktu mereka berada di-rumah. Ibu bapa atau penjaga² murid hendak-lah mengajanya anak² mereka supaya tidak terganggu dari mengulang kaji pelajaran itu.

Menjawab pertanyaan dari salah sa-orang penjaga² murid, sa-orang guru yang bertugas di-sambutan itu di-S.M.J.A. telah menegaskan, ada di-antara ibu bapa atau penjaga² murid suka mengganggu anak² mereka sa-waktu anak² itu mengulang kaji pelajaran di-rumah.

Gangguan itu ia-lah ketika ibu bapa atau penjaga² murid hendakkan sa-suatu, maka anak itu akan di-suruh keluar untuk menunaikan hajat tersebut dengan tidak menghiraukan sa-

waktu anak² mereka mengulang kaji pelajaran di-rumah.

Bukan hanya sa-perkara itu sahaja yang menyebabkan murid² lajai dari pelajaran mereka, tetapi banyak perkara lagi yang harus di-timbangkan oleh ibu bapa dan penjaga² murid.

Sesuai dengan tujuan mengadakan Minggu Pelajaran itu, berbagai² hasil kerja murid² di-sapangan hari persekolahan telah di-pamerkan dan bagitu juga dengan mata² pelajaran yang di-ajarkan telah di-tunjukkan oleh guru² yang bertugas kepada pelajar² yang terdiri dari ibu bapa, penjaga² dan saudara mara murid².

Yang menarik perhatian ia-lah per-tunjukkan chara² mengajar yang mengikut peratoran² lama dan chara² penyampaian pelajaran mengikut aliran zaman modern ini.

Di-Sekolah Melayu Laila Menchanai pula, sesuai dengan letak-nya di-Kampung Ayer dengan murid² dari anak² dari penduduk² di-sekitar Kampung Ayer telah di-penoh-sesaki oleh ibu bapa, penjaga² dan sanak saudara murid² di-sekolah itu.

Kadaan di-sekolah itu, sama-lah juga di-sekolah² yang lain dalam negeri ini yang di-penohi dengan hingar-bangar kegembiraan dari ibu bapa dan penjaga² serta saudara mara murid² di-sekolah tersebut.

Ibu bapa dan penjaga² murid yang mengadakan kunjungan² ka-sekolah² baik yang letak-nya di-Daerah Brunei/Muara, Temburong, Belait dan Tutong ada-lah sentiasa membayangkan kegembiraan mereka kerana dapat menyaksikan sendiri hasil kerja anak² mereka di-sekolah.

Minggu Pelajaran ada-lah merupakan hari yang istimewa bagi ibu bapa dan penjaga² murid dan hari yang teragong bagi sa-tiap murid. Istimewa bagi ibu bapa dan penjaga² murid kerana dapat peluang dan penghormatan dari Pejabat Pelajaran untuk mereka menyaksikan hasil usaha dari penat lelah anak² mereka di-sapangan hari persekolahan sambil mengemukakan kemuskilan² mereka kepada guru² yang bertugas.

Teragong bagi sa-tiap murid, kerana peluang bagi mereka menunjukkan kebolehan masing² dan memamerkan hasil-karya mereka kepada orang ramai baik dari segi seni lukis, seni ukir dan berbagai² lapangan lagi yang berkaitan dengan pelajaran² yang mereka terima di-sekolah.


Di-sapangan minggu pelajaran itu di-adakan sa-hingga hari ini, kira² 20,000 orang ibu bapa dan penjaga² murid di-seluruh sekolah² Melayu sa-Negeri Brunei telah keluar untuk menyaksikan sambutan minggu pelajaran di-sekolah masing².

Menghadhiri Kursus Lanjutan Bahasa Melayu

BERAKAS. — Enam orang Guru² Melayu di-Negeri Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada petang 9 Jun untuk menghadiri Kursus Lanjutan Bahasa Melayu di-University Malaya selama satu tahun.

Mereka ia-lah Chegu Masri bin Dato Haji Yusof, Guru Besar Sekolah Melayu Sengkurong; Chegu Abdullah bin Ali Hashim, Penolong Guru Besar Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait; Chegu Hamdan bin Mohamed Said, Penolong Pensharah Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Chegu Juned bin Mustafa, Guru Penolong Sekolah Melayu S.M.J.A.; Chegu Mohamed Noor Chuchu, Guru Penolong Sekolah Melayu S.M.J.A. dan Chegu Tengah bin Abdul Latif, Guru Penolong Sekolah Melayu, S.M.J.A.



Satu pemandangan sambutan Minggu Pelajaran di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong, pada 13 Jun, 1965. Dalam gambar ini kelihatan ahli² Pasokan Palang Merah Sekolah Melayu Muda Hashim merawati "sa-orang sakit" pada masa di-adakan temasha tersebut.

KUALA BELAIT. — Peruntokan wang sa-banyak \$750,000 telah disediakan bagi membiayai rancangan perbekalan ayer untuk penduduk2 kawasan Labi ia-itu sebuah kawasan kampung pendalaman di-Daerah Belait.

Bangunan2 Dewan Kemasharakan dan Ruman Persinggahan dalam jangka tidak berapa lama lagi akan di-dirikan di-kawasan

Majlis telah menerima 3 usul, menarek balek 2 usul dan menangguhkan 1 usul untok dikemukakan dalam persidangan

Setia Usaha Perhubungan Dalam:

Ahli2 Jawatan Kuasa: Malai Mohamed, Awang Omar Ahai, Awang Yunus Abu Bakar, Awang Shariff Naweh dan Dayang Marhani Latiff. Pengelola Ranchangan Belia Negeri Brunei, Awang Zulkifli bin Haji Abdullah telah di-lantek sa-bagai sa-orang Ahli Jawatan Kuasa atas nama jawatan-nya.

(3) Mukim Council Sengkurong bersetuju supaya pehak yang berkenaan dapat mengubah kedudukan paip ayer yang berada di-tepi Sungai Jalan Mulaut di-pindahkan ka-sabelah kanan Jalan Mulaut supaya tidak runtuhtan patah paip ayer itu kerana kerap kali pada masa banjir tanah runtuh dan paip ayer itu rosak.

(Berita kiriman Awang Md. Ali bin
Md. Yusuf, S.U.A. Persatuan 3PKA,
Brunei.)



Gambar ini di-ambil sa-lepas di-adakan majlis pembukaan rasmi Mukim Council Sengkurong oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar baharu2 ini. Dalam gambar ini kelihatan Awang Ali berdiri di-barisan hadapan bilangan enam dari kiri. Bilangan lima dari kiri di-barisan hadapan ia-lah Yang Berhormat Awang Haji Halus, sa-orang Ahli Majlis Mashaarat Negeri Brunei dan bilangan tujuh dari kiri ia-lah Pengerusi Mukim Council Sengkurong, Yang Di-Mulihkan Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman bin Haji Tamit. Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohamed Salleh bin Hidup kelihatan berdiri di-barisan hadapan, bilangan kedua dari kiri dan Setia Usaha Mukim Council Sengkurong, Chegu Masri bin Dato Haji Mohamed Yusof di-barisan hadapan bilangan yang ke-empat dari kiri. Lain2-nya ia-lah Ahli2 Mukim Council Sengkurong.

HALAMAN PENERANGAN:

KURSUS PEMIMPIN2 BELIA BUKAN SAHAJA MEMBERI DIDEKAN KAPADA BELIA2

BAHKAN BERFAEDAH KAPADA RA'AYAT

(Oleh Awang Mohamed Salleh Kadir)

BAGI kali yang pertama di-negara kita satu Kursus Pemimpin2 Belia telah di-langsungkan di-bawah anjoran Jabatan Kebajikan Masyarakat, Brunei.

Kursus itu telah berjalan sa-lama sa-minggu dari 16 Mei dan telah berakhir pada 22 Mei 1965 ia-lah hasil usaha tenaga dan kerjasama yang telah di-berikan oleh Jawatankuasa Kerja Kursus itu dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Dalam kursus yang di-adakan itu banyak pengalaman yang berguna telah di-dapati dan juga banyak pelajaran ilmu kemasharakatan yang berfaedah bukan sahaja untuk faedah dan pengetahuan para belia, tetapi juga untuk faedah masyarakat dan ra'ayat seluruh-nya.

Berbagai cheramah telah di-berikan tentang chara2 berpersatu, mengenai undang2, sejarah, kesusasteraan, ugama, keselamatan awam, ilmu kemasharakatan dan lain2-nya.

Ini ada-lah berupa satu didekan bukan sahaja kepada para belia bahkan berfaedah kepada ra'ayat seluruh-nya. Ra'ayat mesti-lah sedar akan tanggung jawab mereka terhadap hidup berpersatuan, hidup berakhlak dengan peribadi yang baik dan berkebudayaan serta berpendidikan ugama jika mereka hendak menjadi anggota masyarakat yang berharga dan menjadi warga negara yang berguna.

Cheramah2 itu juga mengingatkan betapa penting-nya perpaduan supaya di-negara kita yang berdaulat ini tidak berlaku perpechahan sa-sama sendiri sehingga membawa kita semua ke arah purak puranda.

Negeri Brunei pada ketika ini sedang melangkah menuju ke arah kemajuan, baik dalam siasah mau pun dalam segi iktisad dan hidup bersosial.

Dalam menghadapi perkembangan2 ini sudah tentu berbagai2 usaha terbentang luas untuk di-gunakan sa-baik2-nya bagi faedah bangsa, negara, dan ugama.

Dalam pada itu, kita mesti-lah waspada dalam menghadapi segala proses dan perkembangan tadi, jangan ada anasir2 atau gejala2 yang burok yang chuba menyusup ke-dalam anggota masyarakat untuk merachuni ra'ayat.

Ra'ayat saperti ahli2 persatuan belia, mesti-lah bersatu dalam usaha menentang anasir2 yang tidak di-ingini yang chuba memecahkan perpaduan negara dan bangsa.

WARGA NEGARA YANG BERGUNA

Untuk menjadi warga negara yang berguna, ra'ayat mesti-lah bergerak dan berjalan di-atas dasar undang2 dan mesti-lah bertindak mengikut garis undang2 yang di-luluskan.

Kerajaan ada-lah sentiasa mengambil perhatian yang berat terhadap pergerakan2 dan pertubohan2 dan ada-lah tanggung jawab kerajaan menggalakkan dan memberi bantuan dan pimpinan yang sewajar-nya kepada mana2 persatuan yang benar2 bergerak menurut garis undang2 yang di-luluskan.

Kerajaan tidak bermaksud hendak menghalang segala kegiatan yang akan membawa ke-untungan kepada masyarakat dan ra'ayat malah Kerajaan akan memberikan segala kemudahan, dan segala dorongan untuk kebaikan ra'ayat, asalkan kegiatan2 itu di-lakukan dan di-usahakan mengikut dasar2 atau garis2 yang halal.

Kerajaan ada-lah sentiasa bekerjasama dan sentiasa memberikan dorongan untuk perkembangan pertubohan bagi kebajikan masyarakat.

Kerajaan telah pun merancang untuk mendirikan sa-buah bangunan bagi di-jadikan Pusat Belia dan bangunan tersebut di-jangka akan di-bena dalam tahun ini juga.

Dengan ada-nya bangunan itu nanti maka dapat-lah anggota2 belia dan ra'ayat di-negeri ini menggunakan pusat itu untuk mengadakan perjumpaan2, baik dalam membincangkan hal kemasharakatan, sosial dan kebudayaan mau pun dalam bidang ugama.

Bagi masa sekarang dan masa hadapan, sabagaimana kemajuan teknologi zaman ini membuktikan, maka sudah sepatut-nya kita mengarahkan pandangan kepada dunia international, dan mengambil segala perangsang serta panduan kemajuan yang di-chapai oleh negeri2 lain.

BERSATU PADU

Apa yang di-kehendaki ia-lah kita harus bangkit menyingsing

lengan, bersatu padu, bahu membahu antara ra'ayat dan Kerajaan untuk menuju ke arah kemajuan, demi kemakmoran dan kesejahteraan bangsa dan negara.

Kursus pemimpin belia yang di-adakan itu ia-lah juga bertujuan memimpin ra'ayat untuk hidup berakhlak, bersusila dan berkebudayaan serta berugama.

Kesan2 dari kursus itu, tentu-lah sedikit sebanyak akan dapat di-gunakan untuk fa'edah ra'ayat sakalian.

Dari kursus itu juga dapat-lah kita mempelajari gaya atau chara hidup bersama yang saling mengerti antara satu dengan lain dan mempelajari ilmu kemasharakatan dan kegunaan-nya untuk menjadi warga negara yang berguna.

Ra'ayat ada-lah perlu memberikan kerjasama yang sapenoh2-nya terhadap langkah2 yang di-ambil oleh Kerajaan dalam membangun negeri ini.

Dengan jalan ini segala kemajuan dengan pesat akan dapat di-lakukan dengan berkesan.

Dengan jalan bekerjasama dengan Kerajaan, segala kemundoran akan dapat di-atasi dan Negeri Brunei akan maju sabagai sa-buah negara yang samimbang dengan negeri2 lain yang telah maju.

Di-sini-lah salah satu peluang bagi ra'ayat untuk menyumbangkan jasa, tenaga dan derma bakti, demi kemajuan masyarakat untuk kesejahteraan, kemakmoran dan kebahagiaan seluruh lapisan ra'ayat.

MENJAMIN HAK RA'AYAT

Ini sesuai dengan ikrar yang telah di-lapadkan pada permulaan kursus yang bermaksud untuk menumpukan ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan negara,

dan berikrar akan berjalan di-atas dasar2 Kerajaan yang menjamin hak seluruh lapisan ra'ayat.

Jika ikrar itu di-amalkan akan wujud-lah satu barisan ra'ayat yang chintakan keamanan, kesejahteraan, dan kemakmoran bangsa, negara dan ugama untuk mendaulatkan Kerajaan dan Sultan yang terchinta.

Akhir-nya biar-lah saya peturunkan sedikit lagi kata ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, dalam upacara pembukaan rasmi kursus pemimpin2 belia.

Antara lain Yang Amat Berhormat berkata: Pehak Kerajaan ada-lah sentiasa mengambil perhatian berat terhadap pergerakan2 dan pertubohan2 belia, dan bertanggung jawab dalam menggalakkan, memberi bantuan yang berpatutan, dan lebeh2 lagi memberi pimpinan yang sewajar-nya kepada mana2 pertubohan yang benar2 bergiat menurut garis undang2 yang di-luluskan.

Dari segi kewangan kerajaan telah mengadakan peruntukan khas bagi kemajuan dan perkembangan pertubohan2 belia dan masyarakat.

PUSAT BELIA

Sa-buah bangunan untuk di-jadikan pusat belia di-jangka akan mula di-bangunkan tahun ini.

Pemuda pemudi akan dapat menggunakan dengan sebaik2-nya tujuan bagi memperoleh kesejahteraan dan kesempurnaan belia berpersatuan untuk menjadikan diri sa-bagai ra'ayat yang mempunyai penoh timbang rasa dan ta'at setia kepada bangsa dan negeri, dalam menjaga kedaulatan, keamanan dan kemakmoran kita bersama di-sisi undang2 dan peratoran2 negeri.



Penolong Pesuruh Jaya Pengakap2 Daerah Brunei. Bahagian Sekolah2 Melayu, Awang Shahbudin bin Saleh telah merasmikan pembukaan Pergerakan Pengakap Sekolah Melayu Sengkurong pada pagi 13 Jun, 1965. Kelihatan dalam gambar ini semasa beliau memeriksa Barisan Kehormatan Pengakap2 tersebut.



GAMBAR KANAN: Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin Muara di-Dewan Kemasharakatan pada pagi hari Ahad 6 Jun, 1965. GAMBAR KIRI: Satu pemandangan pada masa di-adakan Bach'an Do'a Selamat di-majlis tersebut.

PERJUMPAAN AHLI2 JAWATAN KUASA MASJID2 DAERAH BRUNEI DAN MUARA

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, selaku wakil peribadi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, telah merasmikan pembukaan Perjumpaan Ahli2 Jawatan Kuasa Masjid2 Daerah Brunei dan Muara di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada 6 Jun yang lalu.

Pada masa bersabda di-majlis tersebut, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha menyatakan bahawa Yang Teramat Mulia itu telah hadir di-majlis tersebut dengan menjunjung titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.

Duli Pengiran Pemancha telah mengucapkan terima kaseh dan tahniah bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan juga diri Yang Teramat Mulia itu sendiri kepada Pengerusi dan Jawatan Kuasa Masjid2 Daerah Brunei dan Muara kerana kejayaan mengadakan perjumpaan tersebut.

"Sa-sungguh-nya t i d a k - l a h dapat di-nafikan bahawa kemajuan agama di-Negeri ini ada-lah sa-makin bertambah dari semasa ka-semasa bersama2 dengan kemajuan negara yang lain2, dan pengetahuan agama atau pun hal2 keduniaan sudah semakin maju dan memajukan sekalian ra'ayat baik di-kampung2 atau bandar2", sabda Duli Pengiran Pemancha.

Selanjut-nya Duli Pengiran Pemancha bersabda bahawa semua kemajuan itu dapat dihasilkan ia-lah dengan berkat usaha Kerajaan yang bersungguh2 dan kerjasama yang tulus ikhlas dari segala lapisan ra'ayat dan umat Islam yang sadar betapa penting-nya persafahaman dan gotong royong di-antara sekalian ra'ayat untuk melaksanakan sabuah negara yang aman ma'mor dan maju, berganding bahu dengan negara2 dalam dunia ini. Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha bersabda lagi bahawa Yang Teramat Mulia itu perchaya sekalian Pegawai2 Masjid dan Jawatan Kuasa

Masjid sedia akan membaharui azam dalam usaha yang mulia itu dan perchaya mereka akan sentiasa bekerjasama dengan jujur dan tulus ikhlas semata2 kerana chita2 meninggikan taraf umat Islam dan menghadapkan hidayah dan keridzaan Allah Subhanahu Wataala.

Terdahulu dari itu, ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Pengerusi Majlis tersebut, Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Abang Razali bin Haji Zainuddin; Wakil Ahli2 Jawatan Kuasa Masjid2 Daerah Brunei dan Muara, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Safiuddin ibni Almerhom Duli Pengiran Bendahara anak Haji Mohamed Yassin; oleh Wakil Imam2 Masjid2 Daerah Brunei dan Muara, Yang Di-muliakan Dato Derma Wijaya Haji Tamit bin Aspar dan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin.

Perjumpaan tersebut telah di-mulai dengan bacaan Al-Kur'a'an oleh Ustaz Haji Khalidi dan di-tutup dengan bach'a'an Do'a Selamat oleh Yang di-Muliakan Pehin Siraja Khatib.

Majlis telah bersurai sa-lepas di-adakan jamuan makan tengah hari di-Dewan Kemasharakatan.

Mashuarat itu di-mulai dengan ucapan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin.

Di-antara ramai tetamu2 khas yang hadir di-majlis pembukaan rasmi Perjumpaan Ahli2 Jawatan Kuasa Masjid2 Daerah Brunei dan Muara pada pagi itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara; Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat

4 Usul Di-Luluskan

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 Jawatan Kuasa Masjid2 Daerah Brunei dan Muara, dalam persidangan-nya di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada petang hari Ahad 6 Jun, 1965 telah meluluskan 4 Usul.

Usul pertama, ia-itu Ahli2 Jawatan Kuasa Masjid2 Brunei dan Muara patut-lah di-beri Surat Aakuan Lantikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei. Usul ini telah di-kemukakan oleh Awang Matamit bin Haji Nudin, Wakil Masjid Setia Ali, Pekan Muara.

Usul kedua ia-lah berkenaan dengan chara2 mesjid kampung menepikan hasil kewangan di-bawa oleh Awang Azahari bin Haji Md. Daud, Wakil Masjid Kilanas, Brunei.

Usul Ketiga berbunyi bahawa Ahli2 Jawatan Kuasa Masjid hendak-lah mendesak Wakil Majlis Mashuarat Daerah masing2 supaya Kerajaan dapat membiayai Masjid2 Kampung di-seluruh Daerah Brunei dan Muara. Usul ini di-kemukakan oleh Awang Matamit bin Haji Nudin, Wakil Masjid Setia Ali, Pekan Muara.

Usul keempat ia-lah mengenai

Kesulitan2 penduduk2 Kampung dan chara mengatasi-nya. Usul ini di-kemukakan oleh Pengiran Idris bin Pengiran Apong, Wakil Masjid Batu Marang, Brunei.

Satu lagi usul, berbunyi bahawa seluruh Masjid2 di-Daerah Brunei dan Muara mesti-lah mengadakan Perlembagaan (Undang2/Dasar). Usul ini di-kemukakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Safiuddin ibni Almerhom Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohamed Yassin, Wakil Masjid Kilanas, Brunei.

Satelah berunding dengan panjang-lebar, majlis telah bersetuju supaya usul tersebut di-kemukakan kepada Jawatan Kuasa Tertinggi Masjid2 Daerah Brunei dan Muara untuk melaksanakan-nya.

Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah telah memimpin majlis mashuarat tersebut.

Waktu2 Sembahyang, Imsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 16 Jun hingga ka-hari Rabu 30 Jun, 1965 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
16	12.27	3.47	6.38	7.50	4.37	4.52	6.08
17	12.27	3.47	6.38	7.50	4.37	4.52	6.08
18	12.27	3.47	6.38	7.50	4.37	4.52	6.08
19	12.27	3.47	6.38	7.50	4.37	4.52	6.08
20	12.28	3.48	6.38	7.50	4.37	4.52	6.08
21	12.28	3.48	6.39	7.51	4.37	4.52	6.09
22	12.28	3.48	6.39	7.51	4.37	4.52	6.09
23	12.28	3.48	6.39	7.51	4.37	4.52	6.09
24	12.28	3.48	6.39	7.51	4.37	4.52	6.09
25	12.29	3.49	6.40	7.52	4.38	4.53	6.10
26	12.29	3.49	6.40	7.52	4.38	4.53	6.10
27	12.29	3.49	6.40	7.52	4.38	4.53	6.10
28	12.29	3.49	6.40	7.52	4.38	4.53	6.10
29	12.29	3.49	6.40	7.52	4.38	4.53	6.10
30	12.30	3.50	6.40	7.52	4.38	4.53	6.11

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Kadzi Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Mohamed

Salleh; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis; Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Muhammad; para pembesar negara dan lain2-nya.

JAWATAN - JAWATAN KOSONG:

Penolong Penyelidek Di-Pejabat Museum

PERMOHONAN² ada-lah di-jemput dari pegawai² yang berkhidmat dalam jawatan tetap dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei yang menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bagi memenohi jawatan kosong sa-bagai Penolong Penyelidek di-Pejabat Museum, Brunei.

Kelayakan² dan Pengalaman:

1. Umor — di-antara 18 dan 28 tahun.
 2. Lulus sekurang2-nya Form III Inggeris dan Darjah IV Melayu.
 3. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama tiga tahun.
 4. Mempunyai pengetahuan yang luas mengenai Adat Istiadat, Sejarah dan Ilmu Alam Negeri ini.
 5. Mempunyai bakat menengarang.
- Gaji. — Dalam sukatan C(b)1 - 2 - \$520x20 - 540 x30 - 750.
- Tugas²—Chalon mesti-lah ber-

sedia untuk bekerja dan tinggal di-luar kawasan kerja dari masa ka-sa-masa.

Dia-nya mungkin akan di-kehendaki mengikuti latehan di-luar negeri.

Permohonan² mesti-lah di-penohi dalam borang² yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Jun, 1965 dengan melalui Ketua Jabatan masing² yang di-kehendaki menghantar laporan sulit bersama² dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Belip Tanah

Permohonan² ada-lah di-pelawa daripada Pegawai² Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenohi jawatan kosong sebagai Belip Tanah di-Pejabat Daerah dan Tanah, Brunei dan Muara.

Gaji.—Dalam sukatan gaji D(a) 1-2-3-4-5 D(b) 1-2-3-5.

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan² yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon.

- (a) Mesti berkelulusan Darjah V Sekolah Melayu.
- (b) Mempunyai tulisan yang baik.

(c) Berkelulusan Ilmu Hisab bahagian rendah.

(d) Chergas dan sehat badan bagi menjalankan kerja luar.

Permohonan² mesti-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat yang di-kehendaki menghantar laporan sulit dan Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan² yang mesti di-penohkan di-atas borang² yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 22 Jun, 1965.

Penuntut² Maktab Perguruan Gaya Melawat Negeri Brunei

BERAKAS. — Seramai 13 orang penuntut² Maktab Perguruan Gaya, Sabah, telah melawat ka-Negeri Brunei selama enam hari dari 4 Jun hingga ka-9 Jun sebagai tetamu kepada Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Semasa lawatan itu, penuntut² tersebut telah mengadakan pertemuan dengan Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Awang Malcolm MacInnes.

Mereka telah melawat ka-Masjid Omar Ali Saifuddin; Studio Radio Brunei; Kampong Ayer; Kawasan Padang Minyak Seria dan lain² tempat yang indah-permai di-Negeri Brunei.

Penuntut² itu juga di-ra'ikan di-Majlis Jamuan Teh dan Jamuan Makan oleh Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Selain dari itu, mereka tidak juga ketinggalan mengambil bahagian di-temasha Sokan Tahunan Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Penuntut² dari Maktab Perguruan Gaya itu telah datang ka-Negeri ini dan mereka telah pun balek ka-Sabah.

Lawatan mereka ka-negeri ini telah dapat menghubungkan rantai ke-emasan perpaduan yang rapat, bukan sahaja di-antara penuntut²

Maktab Perguruan Gaya dengan penuntut² dari Maktab Perguruan Melayu Brunei, bahkan dengan lain² penuntut² di-negeri ini yang berkenalan dengan mereka.

Sementara itu, Pengetua Maktab

Gambar ini di-ambil di-Lapangan Terbang Brunei semasa ketibaan penuntut² dari Maktab Perguruan Gaya, Sabah ka-Brunei pada petang 4 Jun, 1965.



Tawaran Untuk Memagar Masjid Mohd. Jamalul Alam Kuala Belait

TAWARAN² akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Negara, di-tingkat bawah Bangunan Jabatan² Kerajaan, Brunei, daripada sa-barang pemborong yang berkecayaan yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, sa-hingga jam 4-00 petang pada dan termasuk hari Sabtu, 26 Jun, 1965 bagi:—

Memagar sekeliling kawasan Masjid Baru Mohd. Jamalul Alam, Kuala Belait. Pagar yang di-kehendaki serupa dengan bentuk pagar Masjid Omar Ali Saifuddin, Brunei, yang ada sekarang ini.

Tawaran² yang di-terima sesudah waktu dan tarikh tersebut akan di-tolak.

Sukatan panjang dan tinggi serta butir² kenyataan pagar yang di-kehendaki ini dan lain² lagi boleh-lah di-perolehi dan di-lehat di-dalam peta No. J.K.R.K.B. 28/64 — Sheet No. 1/3 hingga 3/3 tarikh 7/12/64 yang ada di-sediakan di-Jabatan Ugama Brunei atau Jabatan Kerja Raya, Bandar Brunei dan Kuala Belait semasa waktu bekerja.

Tawaran² mesti-lah di-kirim dalam sampol² Surat biasa yang bertutup dengan tidak ada tanda yang me-

ngenalkan nama² penawar-nya di-luar sampol² Surat itu.

Sampol² Surat tersebut mesti-lah di-alamatkan kepada alamat yang di-sebutkan di-atas dan mesti-lah di-tanda sa-bagai berikut:—

“PAGAR UNTUK MASJID MOHD. JAMALUL ALAM KUALA BELAIT”.

Tawaran² yang tidak di-tanda dengan betul akan di-tolak.

Chegaran tawaran ia-lah sa-banyak \$200.00 serta akan di-kembalikan kepada penawar yang tidak berjaya sa-telah keputusan-nya di-ketahui. Tetapi Chegaran demikian akan hilang kira-nya penawar yang berjaya menulak tawaran yang di-bekalkan pada-nya.

Pihak Kerajaan tidak akan terikat dari menerima tawaran yang paling murah sekali atau sebarang tawaran.

Penyelenggara Setor

PERMOHONAN² ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan Penyelenggara Setor Tingkat III di-Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Gaji. — Dalam sukatan gaji \$183x7 - 211 - 220x10 - 260 - 280 - 290 - 300 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan² dan pengalaman.

Hanya pemohon² yang mempunyai kelayakan² dan pengalaman seperti berikut di-kehendaki memohon:—

- (a) Pemohon² mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei atau pun berhak untuk menjadi ra'ayat Sultan.
- (b) Pemohon² mesti-lah berkelulusan Darjah V Sekolah Melayu atau yang bersamaan dengan-nya.
- (c) Pemohon² mesti-lah pernah membuat kerja setor dan di-

ingini mereka itu pandai menaip.

(d) Umor di-antara 18 tahun dan 35 tahun.

Permohonan² daripada pegawai² Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua² Pejabat mereka siapa di-kehendaki menghantar laporan² sulit mengenai pemohon² itu bersama² dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan² yang mesti di-penohkan di-atas borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Jun, 1965.

Perguruan Melayu Brunei, Awang Othman bin Bidin berkata dalam satu wawanchara dengan beliau bahawa oleh kerana hal sa-demikian, beberapa orang penuntut² dari Maktab

Perguruan Melayu Brunei pula akan melawat ka-Sabah pada masa hadapan untuk mengeratkan lagi perpaduan antara penuntut² dari kedua² Maktab Perguruan itu.

SOKAN TAHUNAN M. P. M. B. :

10 REKOD2 BARU DI-CHIPTAKAN

BERAKAS. — Maktab Perguruan Melayu Brunei telah mengadakan Sokan Tahunan-nya di-padang maktab itu di-Berakas pada petang hari Ahad 6 Jun, 1965 dengan memperolehi sambutan bukan sahaja dari kalangan peserta2 bahkan dari para penonton juga.

Boleh-lah di-katakan bahawa sambutan sokan maktab tersebut pada tahun ini ia-lah yang paling ramai sekali semenjak beberapa tahun yang lalu.

Sa-banyak 10 rekod2 baru telah di-chiptakan di-temasha sokan tersebut. Jumlah rekod2 itu adalah lebih banyak lagi dari jumlah rekod2 baru yang telah di-chiptakan di-temasha2 sokan Maktab Perguruan Melayu Brunei pada tahun2 yang lepas.

Rumah Nakhoda Manis telah berjaya menjadi Johan antara Rumah2 dengan mendapat 464 mata dan Rumah Bendahara Sakam, dengan memperolehi sa-banyak 338 mata, telah mendapat gelaran Naib Johan.

Pemenang yang ketiga ia-lah Rumah Nakhoda Ragam, dengan mendapat 332 mata dan pemenang yang ke-empat ia-lah Rumah Awang Semaun dengan mendapat 305 mata.

BINTANG2 SOKAN

Akif bin Edin dari Rumah Nakhoda Ragam telah di-berikan gelaran *Bintang Sokan M.P.M.B. Bahagian Lelaki*, manakala Masni binti Mohamed Said dari Rumah Bendahara Sakam telah mendapat gelaran sa-bagai *Bintang Sokan M.P.M.B. Bahagian Perempuan*.

Penuntut2 dari Maktab Perguruan Gaya, Sabah yang telah melawat ka-Negeri Brunei sa-bagai tetamu kepada Maktab Perguruan Melayu Brunei telah juga mengambil bahagian dalam dua perlumbaan terbuka kepada Maktab2 dan Sekolah, ia-itu lumba lari berganti2 4x110 ela.

Sa-lepas rehat, penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei telah mengadakan satu pertunjukan Gimnastik dengan

memperolehi kepujian dari kalangan para penonton.

Yang Berbahagia Datin Zubaidah, ia-itu isteri Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 temasha sokan tersebut.

Datin Zubaidah juga telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam lain2 temasha yang telah di-langsungkan terdahulu dari temasha sokan tersebut.

Sa-belum Datin Zubaidah di-jemput untuk menyampaikan hadiah2 tersebut, ucapan2 yang berharga telah di-lafadzkan oleh Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei, Awang Othman bin Bidin dan oleh Pegawai Pelajaran Negara Brunei Awang Malcolm MacInnes.

Sa-lepas Datin Zubaidah menyampaikan hadiah2 Maktab Perguruan Melayu Brunei telah menghadihkan sa-kalangan bunga2 angerek kepada beliau sa-bagai chenderamata.

Sokan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Sokan Peringkat Daerah Brunei, di-bawah anjoran Persatuan Sokan Negeri Brunei, akan di-adakan di-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei pada petang hari Ahad 20 Jun, 1965.

Pada petang hari tersebut juga akan di-langsungkan Pertandingan Sokan Peringkat Daerah Belait di-Gelanggang Sokan Seria.

Pemenang2 dalam kedua2 pertandingan sokan tersebut akan mengambil bahagian dalam Pertandingan Sokan Kejujutan Sa-Negeri Brunei pada petang hari Ahad 27 Jun, 1965.

Jadual Perlawanan Hoki

BANDAR BRUNEI. — Jadual Perlawanan Hoki antara Pejabat2 Kerajaan bertempat di-Padang Besar Bandar Brunei, mulai pada 16 Jun hingga ka-akhir bulan ini ada-lah seperti berikut:

16 Jun: Pasokan Kerajaan melawan Askar Melayu Di-Raja Brunei.

19 Jun: Polis melawan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei.

21 Jun: Pasokan Pertadbiran melawan Jabatan Pelajaran Pasokan "B".

23 Jun: Pasokan Kerajaan melawan Jabatan Pelajaran Pasokan "A".

26 Jun: Askar Melayu Di-Raja Brunei melawan Polis.


28 Jun: Jabatan Pelajaran Pasokan "B" melawan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

30 Jun: Pasokan Kerajaan melawan Polis.

SOKAN BORNEO

BANDAR BRUNEI. — Sokan Borneo pada tahun ini akan di-adakan di-Kuching, Sarawak pada 16 dan 17 Julai.

Wakil2 dari Negeri2 Brunei, Sarawak dan Sabah akan mengambil bahagian di-temasha sokan tersebut.



Satu pemandangan di-majlis menyampaikan hadiah2 Sokan Tahunan Maktab Perguruan Melayu Brunei. Dalam gambar ini kelihatan Datin Zubaidah, isteri Menteri Besar Brunei Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal, sedang menyampaikan hadiah kepada Wakil Pasokan Maktab Perguruan Gaya yang telah menang dalam Lumba Lari 4x110 ela terbuka kepada Maktab2 dan Sekolah2 Perempuan.

PERLAWANAN TINJU KEJOHANAN BORNEO

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Tinju Kejujutan Seluruh Borneo akan di-adakan di-Sibu, Sarawak pada malam 17 dan 18 Jun, 1965.

Sa-belum di-langsungkan perlawanan tinju tersebut, perlawanan2 tinju untuk merebutkan gelaran kejujutan Negeri2 Brunei, Sarawak dan Sabah akan di-adakan terlebih dahulu. Demikian menurut penerangan Setia Usaha Persatuan Tinju Negeri Brunei, Awang S. Palaniandy.

Awang Palaniandy telah balek ka-Brunei dari Sibu baharu2 ini sa-lepas menghadhiri Mashuarat Jawatan Kuasa Perlawanan Tinju Kejujutan Seluruh Borneo.

Dalam wawanchara tersebut, beliau berkata bahawa Perlawanan Tinju Kejujutan Seluruh Negeri Brunei akan di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei pada malam 25 dan 26 Jun.

Beberapa orang ahli2 tinju

yang berjaya dalam perlawanan tinju tersebut, kata beliau lagi, akan di-pilih untuk berlateh dan hanya ahli2 tinju yang mempunyai bakat pada masa di-adakan latehan tersebut akan di-pilih untuk mengambil bahagian dalam Perlawanan Tinju Kejujutan Seluruh Borneo.

Sementara itu, Persatuan Tinju Negeri Brunei akan mengadakan Mashuarat Agong-nya di-rumah Awang P. A. Coates di-Jalan Malabau Bandar Brunei pada pukul 5-30 petang hari Khamis 17 Jun.

Berbagai2 perkara mengenai hal ehwal yang bersangkutan paut dengan permainan tinju di-negeri ini akan di-rundingkan dalam mashuarat tersebut.

Perlawanan Sepak Raga Jaring Anjoran P. G. G. M. B.

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan sepak raga jaring sa-chara pukul keliling bagi Daerah Brunei untuk merebutkan dua buah perisai hadiah daripada D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Brunei dan satu Oskar hadiah Persatuan Guru2 Melayu Brunei akan di-adakan sedikit hari lagi sabagai menyambut Hari Jadi D.Y.M.M.

Perlawanan akhir akan di-adakan dalam bulan September, 1965.

Perlawanan sa-chara pukul keliling (league) ini ada-lah terbuka antara: Jabatan2, Persatuan2 (badan yang sah terdaftar dari pihak Kerajaan), Kelab2, Maktab2 dan Sekolah2.

Perlawan itu terbahagi kepada dua bahagian ia-itu "A" dan "B". Tiap2 labatan, Klab, Maktab dan Sekolah di-benarkan memasoki hanya dua pasokan sahaja ia-itu satu pasokan "A" dan satu pasokan "B".

UTAMAKAN BAHASA
KEBANGSAAN -
BAHASA PERPADUAN

T.M.B. MERASMIKAN PEMBUKAAN JALAN KECHIL DI-SENGKURONG

SENGKURONG. — Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud telah merasmikan pembukaan sa-batang jalan kechil di-Sengkurong pada pagi hari Juma'at 11 Jun, 1965.

Jalan kechil tersebut panjangnya sa-jauh 53 rantai, ada-lah menghubungkan antara Kampung Sengkurong dengan Kampung Pasai.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali, antara lain, telah menyatakan bahawa jalan kechil itu di-bena ada-lah semata2 untuk kesenangan penduduk2 kampung supaya lebih senang berhubung antara satu dengan lain.

Beliau berharap kepada penduduk2 di-kedua2 kampung tersebut supaya dapat menggunakan-nya dengan memperolehi keuntungan dan taraf hidup yang tinggi nilai-nya.

Mengenai Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah yang baharu terpilih dalam Pilihan Raya yang lalu, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali menasihatkan kepada penduduk2 kampung tersebut supaya mereka sentiasa bekerjasama dengan Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah itu dan mengemukakan pendapat2 yang berpatutan.

Sementara itu, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar, dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, berkata bahawa pembenaan jalan tersebut ada-lah salah satu daripada hasil projek perkembangan Luar Bandar, yang pada waktu ini sedang berjalan dengan lancar-nya.

Beliau juga telah menyatakan kegembiraan-nya atas usaha2 dan kerjasama yang telah di-berikan oleh penduduk2 kampung di-seluruh Daerah Brunei dan Muara demi untuk menjayakan rancangan2 perkembangan Luar Bandar.

Awang Ali perchaya bahawa dengan kekal-nya kerjasama itu nanti, maka projek2 Luar Bandar pasti akan

bertambah maju dari masa ka-samasa.

Turut memberikan ucapan di-majlis tersebut ia-lah Penghulu Kampung Sengkurong, Yang Di-Muliakan Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman bin Haji Tamit dan Yang Mulia Awang Ahmad Jailani, sa-orang Ahli Majlis Mashuarat Daerah bagi kawasan Kampung Sengkurong.

+ BELAJAR DI-SINGAPURA

BERAKAS. — Seramai 20 orang penuntut2 dari Sekolah2 Melayu dan Sekolah2 Inggeris di-Negeri Brunei telah pergi ka-Singapura baharu2 ini untuk melanjutkan pelajaran mereka di-sana atas derma siswa Kerajaan Brunei sehingga mereka meningkat kapelajaran peringkat Universiti.

MALAM P. A. KLAB ROTARY BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Ibu Pejabat Klab Rotary Antara Bangsa di-Evinston, Amerika Shariat telah mengesahkan penerimaan Klab Rotary Bandar Brunei sa-bagai anggota-nya baharu2 ini. Demikian di-umumkan oleh Yang Dipertua, Klab Rotary Bandar Brunei, Doktor J. S. Gould.

Berhubung dengan perkara tersebut, Klab Rotary tempatan akan mengadakan satu temasha "Malam Penerimaan Anggota" bertempat di-Dewan Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada malam 19 Jun, 1965.

Menurut penerangan Doktor Gould lagi, Gabnor Klab Rotary bagi Daerah 330, Brig Young akan tiba di-Brunei dalam minggu ini untuk merasmikan penubuhan Klab Rotary Bandar Brunei pada malam tersebut.

Selain dari itu, di-antara tetamu2 dari luar negeri yang di-jangka akan hadir di-majlis tersebut ia-lah Yang Dipertua Klab Rotary Jesselton, Canon Rusted.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi Masjid2 Daerah Brunei Dan Muara

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi Masjid2 Daerah Brunei dan Muara yang telah dilantik di-Majlis Perjumpaan Ahli2 Jawatan Kuasa Masjid2 itu di-Dewan Kemasyarakatan pada 6 Jun, 1965 ia-lah seperti berikut:

Penaong: Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei. Penasehat: Kadzi Besar Brunei. Pengerusi: Kadzi Daerah Brunei dan Muara. Naib Pengerusi: Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah.

Setia Usaha Agong: Awang Haji Md. Tarif bin P. S. W. Haji Mohamed, Penda'awa Raya Shariah, Brunei. Naib Setia Usaha: Awang Tamit bin Haji Mangol. Pemegang Amanah: Khatib Awang Haji Md. Yusof bin P. S. W. Haji Mohamed. Pemeriksa Kira2: Awang Tahir bin

P. U. K. Awang Haji Umar dan Awang Azahari bin Haji Md. Daud.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Semua Pengerusi Jawatan Kuasa Masjid2 Daerah Brunei dan Muara.

PERTANDINGAN AKHIR "TALENTIME"

SERIA. — Pertandingan Akhir "Talentime" di-bawah anjoran Pertubuhan JAYCEE Negeri Brunei telah di-langsungkan di-Dewan Panggong Roxana, Seria pada malam 10 Jun, 1965 di-bawah naongan Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Pertandingan tersebut di-bahagikan kepada tiga bahagian, ia-itu bahagian Nyanyian Persaorangan; Nyanyian Beramai dan Pancharagam.

Sa-belum pertandingan itu di-mulai Setia Usaha Agong, Pertubuhan JAYCEE Negeri Brunei, Awang Johnny Quek, telah memberikan ucapan bagi pihak Yang Dipertua Pertubuhan JAYCEE Negeri Brunei, Awang Ong Kim Kee yang telah tidak dapat hadir di-majlis tersebut.

Beliau juga telah mengucapkan terima kasih kepada pihak penaja pertandingan itu atas usaha mereka menjayakan temasha itu dan kepada peserta2 dari Daerah Brunei dan Seria/Belait dan lain2-nya atas kerjasama mereka bagi menghasilkan pertandingan tersebut.

Keputusan Pertandingan Talentime tersebut ada-lah seperti berikut:

Nyanyian Persaorangan: 1. Dayang Florence Clark dari Seria; 2. Dayangku Mariam binti Pengiran Haji Metusin dan Ajmain Kamar Arifin dari Daerah Brunei; 3. A. B. Mohamed Noor juga dari Daerah Brunei.

Nyanyian Beramai: 1. Ajmain Kamar Arifin dan Kawan2-nya, dari Daerah Brunei; 2. Dayangku Mariam binti Pengiran Haji Metusin dan Kawan2-nya dari Daerah Brunei; 3. The Rebels dan Runaways dari Seria.

Pancharagam: 1. The Spinning Crystals; 2. Les Wanderers dan 3. The Runaways — kesemua-nya dari Seria.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh isteri Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin.

PEMBUKAAN RASMI SEKOLAH MELAYU PUDAK

PUDAK. — Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Md. Salleh bin Hidup telah merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Puduk yang letak-nya berhampiran dengan Kuala Sungai Brunei pada 13 Jun.

Sekolah tersebut ada-lah di-bena atas tenaga gotong-royong penduduk2 kampung tersebut di-sertai dengan bantuan wang dari Kerajaan sebanyak \$400.

Bangunan sekolah itu baru saja siap di-bena dalam jangka tiga bulan yang lalu dan murid2 yang belajar di-sana ada-lah sa-ramai 48 orang dari darjah satu hingga darjah lima.

Di-samping perasmian pembukaannya, Sekolah Melayu Puduk juga telah mengadakan sambutan Minggu Pelajaran seperti juga sekolah2 yang lain dalam negeri ini.

Sa-belum bangunan itu di-bena, kanak2 sekolah di-Kampung Puduk terpaksa menyeberang sungai besar untuk menuntut pelajaran di-Sekolah Melayu Dato Gandi.

Ramai penduduk2 di-Kampung Puduk itu ia-lah kira2 300 orang.

* MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Duta Burma ka-Malaysia Yang Terutama Awang U Pe Kin dan isteri-nya telah melawat ka-Negeri Brunei baharu2 ini sa-bagai tetamu kepada Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Y.T.U. Awang F. D. Webber dan isteri-nya.

Istiadat Perbarisan Hari Jadi Baginda Queen



Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber kelihatan dalam gambar ini semasa beliau memeriksa Perbarisan Hari Jadi Baginda Queen di-Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 12 Jun, 1965.